

TAWARAN B

PROGRAM SARJANA PERUBATAN SESI 2026/2027

**Permohonan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji
Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan bagi
Pegawai Perubatan Lantikan Tetap dan
Program Latihan Kepakaran dengan Biasiswa
bagi Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak**

ISI KANDUNGAN

1. PEGAWAI YANG LAYAK MEMOHON	3
2. SYARAT-SYARAT UMUM	3
3. SYARAT-SYARAT KHUSUS MENGIKUT BIDANG	6
4. KAEDEH PENGAJIAN	18
5. BIDANG PENGAJIAN	18
6. KAEDEH SARINGAN CALON	19
7. PENAWARAN PENAJAAN	20
8. TATACARA PERMOHONAN	21
9. PERINGATAN PENTING BAGI SEMUA PEGAWAI	22
10. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN	23
11. PERTANYAAN	24
12. LAMPIRAN A	25

SARJANA PERUBATAN SESI 2026/2027

TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN TETAP DAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN DENGAN BIASISWA BAGI PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN KONTRAK

1. PEGAWAI YANG LAYAK MEMOHON:

1.1. PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN TETAP

- 1.1.1. Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dilantik tetap **sebelum 1 Januari 2022**; atau
- 1.1.2. Pegawai Perubatan KKM Lantikan Kontrak **sebelum 1 Januari 2022 yang dilantik tetap sehingga tarikh tutup permohonan.**

1.2. PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN KONTRAK

- 1.2.1. Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak di bawah Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bil 4/2016 dan masih dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan; atau
- 1.2.2. Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak yang mendapat tawaran kesinambungan perkhidmatan bagi persediaan pengajian kepakaran seperti yang diperuntukkan dalam surat edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) rujukan KKM-500-8/1/20 Jld. 8 (11) bertarikh 5 Januari 2022; atau
- 1.2.3. Pegawai Perubatan KKM lantikan kontrak **sehingga 31 Disember 2022** yang menjalani Latihan Siswazah atau *Housemanship* di luar negara.

2. SYARAT- SYARAT UMUM

- 2.1. Telah berdaftar **penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
- 2.2. Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** selepas pendaftaran penuh;

- 2.3.** Telah berkhidmat dengan KKM sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** (termasuk latihan siswazah) dan dilantik pada/sebelum **1 Januari 2022**;
- 2.4.** Berumur tidak melebihi **43 tahun** pada **tarikh tutup permohonan (tertakluk kepada syarat khusus bidang)**;
- 2.5.** Lulus Bahasa Melayu termasuk Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Peperiksaan Perkhidmatan Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Khas oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- 2.6.** Pegawai perlu mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi tiga (3) tahun berturut-turut. Penilaian hendaklah genap 12 bulan bagi setiap tahun penilaian;
- 2.7.** Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian diberikan kepada pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014;
- 2.8.** Pengecualian penilaian genap 12 bulan untuk pengiraan purata LNPT diberikan kepada Pegawai Lantikan Kontrak yang menjalani Latihan Siswazah atau *Housemanship* di luar negara (lantikan sehingga 31 Disember 2022);
- 2.9.** Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- 2.10.** Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- 2.11.** Tidak pernah menolak tawaran yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM dalam tempoh dua (2) sesi yang lepas;
- 2.12.** Bebas/bersih daripada sebarang pertuduhan, prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan Mahkamah;
- 2.13.** Pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing. Masalah kesihatan tertentu boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadinya, dan seterusnya boleh menyebabkan pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental;

- 2.14. Bagi pegawai yang mempunyai masalah kesihatan seperti di **Lampiran A**, kesesuaian untuk diterima menjalani latihan kepakaran akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi Bidang Kepakaran masing-masing. Pegawai perlu mengemukakan laporan perubatan dari pakar perubatan Kerajaan untuk mengesahkan status kesihatan dan rawatan terkini;
- 2.15. Telah mengisyiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini;
- 2.16. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar atau peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain;
- 2.17. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang secara sepenuhnya.
- 2.18. Mematuhi **syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus** jangka pendek/ sederhana/ panjang yang terdahulu **dengan jayanya** selaras dengan perenggan 19(v)(k)(iv) MyPPSM Ceraian SM.1.1.1, Panduan Pembangunan Kompetensi Perkhidmatan Awam (MyKompetensi) mengenai tempoh pegawai boleh menghadiri kursus di luar negara seperti berikut:

Jenis Kursus Yang Telah Dihadiri Sebelum Ini	Tempoh Menunggu	
	Dalam Negara	Luar Negara
Kursus jangka pendek/ sederhana/ panjang	Kurang dari 3 bulan: Tiada	1 tahun (bagi kursus-kursus jangka pendek lain atau siri kursus jangka pendek seterusnya di luar negara)
Kursus jangka pendek	Lebih 3 bulan sehingga genap 12 bulan: 1 tahun	1 tahun (bagi mengikuti kursus jangka panjang di luar negara)
Kursus jangka sederhana/ panjang	Lebih 12 bulan : 2 tahun	3 tahun (bagi mengikuti kursus jangka panjang di luar negara)

Sumber : Dasar Penajaan JPA

Sumber:
MyPPSM Ceraian SM.1.1.1

3. SYARAT-SYARAT KHUSUS MENGIKUT BIDANG

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
3.1	Obstetrik dan Ginekologi	<ul style="list-style-type: none"> i. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan; ii. Mempunyai sijil peperiksaan Medical Specialist Pre-entrance Examination (MedEx) dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau iii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; dan iv. Lulus temu duga yang ditetapkan.
3.2	Anestesiologi dan Rawatan Kritikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Anestesiologi yang sah pada tarikh tutup iklan; atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iii. Kelulusan tambahan (opsyenal): lulus peperiksaan Membership of the College of Anaesthesiologists of Ireland (MCAI) MCQ Part 1 yang masih dalam tempoh sah laku; iv. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 12 bulan (tidak termasuk Latihan Siswazah) di dalam bidang Anestesiologi dan Rawatan Kritikal.
3.3	Pediatrik Am	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Pediatrik Am dengan keputusan Band 4 ke atas yang sah pada tarikh tutup iklan (tempoh sah laku sijil MedEx adalah 3 tahun dari tarikh

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<p>ii. peperiksaan); atau</p> <p>iii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan;</p> <p>iii. Kelulusan tambahan (opsyenal): lulus peperiksaan Membership of the Royal College of Paediatrics and Child Health (MRCPCH) yang masih dalam tempoh sah laku sama ada dalam mana-mana bahagian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Foundation of Practice (FOP); atau - Theory and Science of Practice (TAS); atau - Applied Knowledge of Practice (AKP); <p>iv. Lulus temu duga yang ditetapkan.</p>
3.4	Perubatan Dalaman	<p>i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Perubatan Dalaman dengan keputusan Band 4 ke atas yang sah pada tarikh tutup iklan (tempoh sah laku sijil MedEx adalah 2 tahun dari tarikh peperiksaan); atau</p> <p>ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan;</p> <p>iii. Kelulusan tambahan (opsyenal): lulus peperiksaan Membership of the Royal Colleges of Physicians of the United Kingdom, MRCP(UK) Part 1 atau Membership of the Royal College of Physicians of Ireland (MRCPI) General Medicine Part 1 yang masih dalam tempoh sah laku.</p>
3.5	Psikiatri	<p>i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Psikiatri dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau</p> <p>ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan</p>

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<ul style="list-style-type: none"> iii. MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; atau iv. Lulus peperiksaan Membership of the Royal College of Psychiatrists of the United Kingdom, MRCPsych(UK) Paper A atau B; iv. Pengetahuan klinikal dan kemahiran profesional <ul style="list-style-type: none"> - Dokumentasi lengkap <i>Essential Learning Activities</i> (ELA) berserta penilaian <i>Workplace-based Assessment</i> (WBA) yang berkaitan penilaian kemasukan; - Menghadiri kursus persediaan dalam Psikiatri, konferen atau bengkel Psikiatri, menjalankan penyelidikan/audit dan/atau menerbitkan artikel yang berkaitan Psikiatri; v. Pengalaman klinikal <ul style="list-style-type: none"> - Pengalaman dalam merawat kes-kes Psikiatri yang lazim seperti penyakit psikosis, <i>mood</i> dan <i>anxiety</i> sewaktu bertugas di jabatan Psikiatri atau pengalaman yang diperolehi sewaktu bertugas di Pusat Kesihatan Primer bersama Pakar Perubatan Keluarga; dan vi. Lulus temu duga yang ditetapkan.
3.6	Radiologi Klinikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan; ii. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Radiologi yang sah pada tarikh tutup iklan; atau iii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iv. Kelulusan tambahan (opsyenal): lulus

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<p>peperiksaan Fellowship of the Royal College of Radiologists (UK) yang masih dalam tempoh sah laku sama ada dalam mana-mana bahagian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - FRCR Part 1 (Physics) - FRCR Part 1 (Anatomy) <p>v. Pengetahuan klinikal dan kemahiran profesional;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Boleh melaksanakan tugasan seperti yang termaktub di dalam penilaian <i>Examination Learning Activities</i> (ELA); - Memahami skop tugas Radiologi sebagai satu bidang kepakaran dan mempunyai komitmen yang kukuh terhadap bidang Radiologi; - Mempunyai pengalaman di dalam menjalankan penyelidikan/ audit; dan <p>vi. Lulus temu duga dan penilaian <i>Objective Structured Clinical Examination</i> (OSCE) yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Radiologi.</p>
3.7	Pembedahan Am	<ol style="list-style-type: none"> i. Berumur tidak melebihi 38 tahun pada tarikh tutup iklan; ii. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Pembedahan Am yang sah pada tarikh tutup iklan; atau iii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iv. Lulus temu duga yang ditetapkan; dan

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<p>v. Untuk menjamin kesihatan pesakit sentiasa dilindungi, pegawai yang menghidap penyakit HIV, Hepatitis B dan Hepatitis C TIDAK DIGALAKKAN memohon bidang Pembedahan Am.</p>
3.8	Oftalmologi	<ul style="list-style-type: none"> i. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan; ii. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Oftalmologi dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; iii. Kelulusan tambahan (opsyenal): lulus peperiksaan Part 1 Fellowship of the Royal College of Ophthalmologists (FRCOphth) Written Exam; dan iv. Lulus temu duga yang ditetapkan.
3.9	Ortopedik	<ul style="list-style-type: none"> i. Berumur kurang dari 38 tahun pada tarikh iklan ditutup; ii. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Ortopedik dengan kelulusan sekurang-kurangnya Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau iii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan dan seterusnya lulus sekurang kurangnya pada tahap Band 4 dalam peperiksaan tersebut; iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 18 bulan pengalaman dalam bidang Ortopedik sebagai Pegawai Perubatan; v. Mendapat perakuan kepujian daripada sekurang-kurangnya dua (2) Pakar Ortopedik UD14 dan ke

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<p>atas termasuk Ketua Jabatan tempat bertugas; dan</p> <p>vi. Lulus penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Selection of Postgraduate Orthopaedic Trainee (SPOT) di bawah Orthopaedic Specialty Committee (OSC).</p>
3.10	Otorinolaringologi	<ul style="list-style-type: none"> i. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan; ii. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Otorinolaringologi dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau iii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 24 bulan pengalaman sebagai Pegawai Perubatan; dan v. Lulus temu duga yang ditetapkan.
3.11	Patologi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Patologi yang sah pada tarikh tutup iklan; atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; dan iii. Lulus temu duga yang ditetapkan.
3.12	Perubatan Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Perubatan Keluarga dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan;

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<p>atau</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; dan iii. Lulus temu duga yang ditetapkan.
3.13	Kesihatan Awam	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Kesihatan Awam yang sah pada tarikh tutup iklan; atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iii. Pegawai telah berdaftar dalam Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam sebelum tarikh siaran Iklan Tawaran ini; iv. Pegawai perlu melengkapkan Buku Log Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam; v. Pegawai perlu diperakui oleh Mentor yang dilantik (iaitu seorang Pakar Perubatan Kesihatan Awam) seperti di Buku Log Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam KKM (Perkara 12); dan vi. Lulus temu duga yang ditetapkan.
3.14	Perubatan Sukan	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Perubatan Sukan dengan keputusan minima band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan;

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<ul style="list-style-type: none"> iii. Mempunyai pengalaman bertugas sebagai Pegawai Perubatan dalam bidang Perubatan Sukan sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan dan/atau menunjukkan bukti penglibatan aktif dalam latihan/pensijilan jangka pendek dalam bidang Perubatan Sukan yang memuaskan; dan iv. Lulus temu duga dan penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Sukan.
3.15	Perubatan Rehabilitasi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Perubatan Pemulihan dengan keputusan minima band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iii. Mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan pengalaman dalam bidang Perubatan Pemulihan sebagai Pegawai Perubatan; dan iv. Lulus temu duga dan penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Pemulihan.
3.16	Perubatan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Perubatan Kecemasan yang sah pada tarikh tutup iklan (tempoh sah laku sijil MedEx adalah 3 tahun dari tarikh peperiksaan); atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iii. Mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<p>pengalaman dalam bidang Perubatan Kecemasan sebagai Pegawai Perubatan;</p> <p>iv. Telah menghadiri dan menamatkan dengan jaya kursus <i>Advance Cardiac Life Support</i> (e.g ACLS, ALS) dan <i>Trauma Life Support</i> (TLS) atau setara dengannya dan masih dalam tempoh sah laku dari tahun 2023;</p> <p>v. Telah melengkapkan <i>Essential Learning Activities</i> 1-6 (ELAs) dan disahkan oleh Pakar Perubatan Kecemasan/pegawai yang menyelia. Borang dan tatacara pengendalian ELAs boleh didapati di pautan/QR Code berikut:</p> <p style="text-align: center;">https://drive.google.com/file/d/1EEfemHMnjzY0loel4_dlr3N2YDieY4h/view?usp=drivesdk</p> <div style="text-align: right; margin-top: -20px;">  </div> <p>vi. Lulus temu duga dan penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Kecemasan.</p>
3.17	Pembedahan Saraf (Neurosurgeri)	<p>i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Neurosurgeri dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau</p> <p>ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan;</p> <p>iii. Mempunyai pengalaman dalam bidang Pembedahan selama dua (2) tahun [minimum 12 bulan di dalam bidang Neurosurgeri, WAJIB enam (6) bulan di dalam Pembedahan Am dan enam (6) bulan di dalam mana-mana bidang berkaitan Pembedahan atau Anestesiologi/ ICU]; dan</p>

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<p>iv. Lulus saringan temu duga yang dijalankan oleh bidang Neurosurgeri KKM dan Universiti yang menawarkan program kepakaran Neurosurgeri.</p>
3.18	Pembedahan Plastik	<p>i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Surgeri Plastik dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau</p> <p>ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan;</p> <p>iii. Kelulusan tambahan (opsyenal): lulus peperiksaan Membership of the Royal College of Surgeons (MRCS) Part A dan Part B;</p> <p>iv. Mempunyai pengalaman di dalam bidang Pembedahan selama dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan [18 bulan di dalam bidang Pembedahan Am dan enam (6) bulan di dalam lain-lain cabang Pembedahan atau Perubatan Kecemasan]; dan</p> <p>v. Lulus temu duga yang ditetapkan.</p>
3.19	Onkologi	<p>i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Onkologi yang sah (minima Band 4) pada tarikh tutup iklan; atau</p> <p>ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan;</p> <p>iii. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman klinikal sebagai Pegawai Perubatan termasuk enam (6) bulan dalam bidang Perubatan Dalaman dan enam (6) bulan dalam bidang Pembedahan, serta melakukan tugas</p>

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<p>atas panggilan secara aktif;</p> <p>iv. Tempoh sah pengalaman seperti yang dinyatakan di perkara (iii) adalah lima (5) tahun sebelum tawaran. Pengalaman sebelum tahun 2021 tidak akan diambil kira; dan</p> <p>v. Lulus temu duga yang ditetapkan.</p>
3.20	Pembedahan Pediatrik	<p>i. Berumur tidak melebihi 38 tahun pada tarikh tutup iklan;</p> <p>ii. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Pembedahan Pediatrik yang sah pada tarikh tutup iklan; atau</p> <p>iii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan;</p> <p>iv. Mempunyai pengalaman selama dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan termasuk minima enam (6) bulan dalam bidang Pembedahan Am atau Pediatrik Am atau Pembedahan Pediatrik; dan</p> <p>v. Lulus temu duga yang ditetapkan.</p>

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
3.21	Perubatan Transfusi	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Perubatan Transfusi dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iii. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (pengalaman di Jabatan/ Unit Perubatan Transfusi merupakan kelebihan tambahan); iv. Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan/audit; dan/atau menerbitkan artikel berkaitan Perubatan Transfusi; v. Memahami skop tugas Perubatan Transfusi sebagai satu bidang kepakaran dan mempunyai komitmen yang tinggi; vi. Lulus temu duga yang ditetapkan; dan vii. Bagi menjamin kualiti perkhidmatan, pegawai yang disahkan menghidap penyakit kronik atau masalah kesihatan fizikal atau mental yang boleh menjelaskan prestasi tugas dalam tempoh yang panjang [contoh enam (6) bulan] dianjurkan TIDAK memohon bidang Perubatan Transfusi.
3.22	Perubatan Nuklear	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Perubatan Nuklear yang sah dengan keputusan minima Band 4 pada tarikh tutup iklan; atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup

BIL.	BIDANG	SYARAT-SYARAT KHUSUS
		<ul style="list-style-type: none"> iklan; iii. Mempunyai pengalaman selama dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (pengalaman di bidang Perubatan Nuklear atau Radiologi merupakan kelebihan tambahan); dan iv. Lulus temu duga yang ditetapkan.
3.23	Forensik	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sijil peperiksaan MedEx dalam bidang Patologi dengan keputusan minima Band 4 yang sah pada tarikh tutup iklan; atau ii. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx sesi November 2025 pada tarikh tutup iklan; iii. Mempunyai pengalaman selama satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan di Jabatan atau Unit Perubatan Forensik; iv. Melengkapkan buku log dengan minima 50 kes (diberi keutamaan); v. Lulus temu duga yang ditetapkan; dan vi. Untuk menjamin kualiti perkhidmatan, pegawai yang menghidap penyakit rabun warna, sawan dan lain-lain penyakit yang boleh mempengaruhi prestasi tugas dianjurkan TIDAK memohon bidang Forensik. Bagi penyakit rabun warna, pertimbangan adalah tertakluk kepada penilaian perubatan.

4. KADEAH PENGAJIAN

4.1. Sistem Bersepadu

Menjalani latihan klinikal melalui konsep pusingan penempatan (*rotational*

(attachment) sepanjang tempoh pengajian selama empat (4) tahun di fasiliti KKM dan Universiti Awam (UA). Pegawai akan menerima kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Pegawai Lantikan Tetap atau Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa bagi Pegawai Lantikan Kontrak.

5. BIDANG PENGAJIAN

5.1. Bidang yang ditawarkan adalah seperti berikut (tertakluk kepada perubahan):

- 01 - Obstetrik dan Ginekologi
- 02 - Anestesiologi
- 03 - Pediatrik
- 04 - Perubatan Dalaman
- 05 - Psikiatri
- 06 - Radiologi
- 07 - Surgeri Am
- 08 - Oftalmologi
- 09 - Ortopedik
- 10 - Otorinolaringologi
- 11 – Patologi
- 12 - Perubatan Keluarga
- 13 - MPH/DrPH Kesihatan Awam
- 14 - Perubatan Sukan
- 15 - Perubatan Pemulihan
- 16 - Perubatan Kecemasan
- 17 - Neurosurgeri
- 18 - Plastik Surgeri
- 19 - Klinikal Onkologi
- 20 - Pembedahan Kanak-kanak
- 21 - Perubatan Transfusi
- 22 - Perubatan Nuklear
- 23 - Forensik

Nota: (01 – 23) merupakan kod unik (dalam sistem eHLP KKM) bagi setiap bidang kepakaran yang ditawarkan.

6. KAEADAH SARINGAN CALON

- 6.1. Pegawai yang memohon program Sarjana Perubatan perlu melalui dua proses saringan utama pemilihan iaitu:
- 6.1.1. Saringan I (Syarat Umum)
Permohonan calon melalui Sistem eHLP KKM akan disaring sepenuhnya oleh BPL, KKM melibatkan syarat-syarat umum.
- 6.1.2. Saringan II (Syarat Khusus/Temu Duga)
Senarai calon yang melepas Saringan I akan dikemukakan kepada Ketua Kepakaran Bidang untuk proses Saringan II melibatkan syarat-syarat khusus serta proses temu duga tertakluk kepada keperluan bidang kepakaran masing-masing.

7. PENAWARAN PENAJAAN

- 7.1. Penawaran penajaan hanya diberi kepada pegawai yang telah melepas sepenuhnya tapisan di peringkat Saringan I dan Saringan II.
- 7.2. Pegawai yang ditawarkan tempat pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) namun tidak mengemukakan permohonan untuk mengikuti Program Sarjana Perubatan serta gagal melepas tapisan KKM tidak akan dipertimbangkan kemudahan CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Biasiswa.
- 7.3. Surat Tawaran Bersyarat (STB) dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada calon berjaya penawaran sahaja. Dokumen penawaran tersebut boleh dimuat turun melalui Sistem eHLP KKM.
- 7.4. Hanya tawaran yang dikeluarkan oleh BPL, KKM sahaja yang dianggap sah untuk membolehkan pegawai mengikuti program ini.
- 7.5. KKM berhak menentukan penempatan latihan pegawai yang akan mengikuti program ini di mana-mana fasiliti KKM yang diiktiraf oleh Universiti sebelum pengajian sepenuh masa di Universiti;

- 7.6. Pegawai yang menolak tawaran ini akan disenarai hitam dari memohon kemasukan ke program yang ditawarkan oleh BPL, KKM untuk dua (2) sesi penawaran;
- 7.7. Pegawai tidak dibenarkan untuk menarik diri daripada pengajian atau menukar bidang setelah menandatangani kontrak perjanjian CBBP Dengan HLP/ PLK Dengan Biasiswa. Pegawai adalah tertakluk sepenuhnya kepada kontrak perjanjian yang berkuatkuasa dan akan dikenakan penalti sekiranya berlaku pelanggaran perjanjian.
- 7.8. Pegawai yang menerima tawaran ini adalah terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia bagi tempoh **tujuh (7) tahun** dan **penalti sebanyak RM350,000.00** sekiranya melanggar syarat-syarat di dalam perjanjian selepas tamat tempoh latihan.
- 7.9. Pegawai yang melepassi sepenuhnya tapisan di peringkat Saringan I dan Saringan II tetapi tidak dapat ditawarkan slot Program Sarjana Perubatan disebabkan jumlah slot yang terhad **akan ditawarkan untuk menyambung pengajian kepakaran melalui Program Kepakaran Laluan Paralel (Tawaran D)**. Walau bagaimanapun, penawaran ini adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Kepakaran bagi setiap bidang yang terlibat seperti senarai berikut:
 - 02 – Anestesiologi
 - 03 - Pediatrik
 - 04 - Perubatan Dalaman
 - 05 - Psikiatri
 - 06 - Radiologi
 - 08 - Oftalmologi
 - 16 - Perubatan Kecemasan
 - 18 - Plastik Surgeri
 - 23 - Forensik

Nota: (01 – 23) merupakan kod unik (dalam sistem eHLP KKM) bagi setiap bidang kepakaran yang ditawarkan.

8. TATACARA PERMOHONAN

- 8.1. Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara dalam talian (*online*) menerusi Sistem eHLP KKM (<https://ehlp.moh.gov.my>) mengikut tarikh yang ditetapkan.
- 8.2. Calon yang melepassi saringan syarat am dan syarat khusus bidang akan dihubungi oleh Jawatankuasa Kepakaran Bidang masing-masing. Sebagai makluman, kelayakan ke saringan temu duga tidak akan dimaklumkan melalui sistem eHLP KKM.
- 8.3. Mengemukakan dua (2) laporan sokongan daripada Penyelia/Ketua Jabatan [penilaian perlu menekankan aspek pengetahuan, prestasi, sikap dan kapasiti, *Essential Learning Activities* (mana-mana berkaitan)] kepada Jawatankuasa Kepakaran Bidang/Universiti semasa temu duga (**sekiranya diperlukan**).
- 8.4. Bagi bidang yang tiada saringan temu duga, Jawatankuasa Kepakaran Bidang akan melaksanakan saringan berdasarkan keperluan bidang dan keputusan calon berjaya boleh disemak bersekali dengan calon berjaya yang melepassi saringan temu duga.

PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEGAWAI

1. Permohonan Tawaran B Sesi 2026/2027 akan dibuka secara dalam talian sepenuhnya menerusi Sistem eHLP KKM (<https://ehlp.moh.gov.my>). Permohonan boleh dibuat mulai **6 Oktober hingga 5 November 2025**.
2. Pemohon dinasihatkan untuk merujuk kepada Unit Sumber Manusia terlebih dahulu sebelum membuat pengisian maklumat perkhidmatan seperti lantikan, LNPT dan Cuti Tanpa Gaji/Cuti Separuh Gaji kerana pengisian tidak tepat akan menyebabkan permohonan disaring sebagai TIDAK BERJAYA. Pegawai boleh merujuk Lampiran I sebagai rujukan Unit Sumber Manusia yang menjaga Buku Rekod Perkhidmatan. (Sila hubungi pihak urus setia jika Unit Sumber Manusia tiada dalam sistem eHLP KKM).
3. Setiap permohonan akan melalui Unit Sumber Manusia di jabatan/fasiliti pemohon bagi tujuan pengesahan maklumat sebelum dipanjangkan kepada Ketua Jabatan.
4. Sekiranya kesemua maklumat telah diperakui oleh Unit Sumber Manusia, notifikasi permohonan akan dihantar melalui e-mel kepada Ketua Jabatan. Pemohon boleh menyemak status penghantaran permohonan secara berkala dalam sistem eHLP

KKM bagi mengetahui status semasa permohonan.

5. Sila pastikan e-mel Ketua Jabatan adalah betul kerana e-mel ini akan digunakan untuk penghantaran pautan bagi melaksanakan tindakan sokongan.
6. Pemohon dinasihatkan untuk membuat tindakan susulan dengan Ketua Jabatan sekiranya permohonan belum diambil tindakan sokongan.
7. Permohonan yang tidak diambil tindakan pengesahan oleh Unit Sumber Manusia, tiada sokongan oleh Ketua Jabatan dan tidak dihantar sehingga tarikh tutup pengesahan akan dikemaskini secara automatik kepada **TIDAK BERJAYA**.
8. Pegawai diwajibkan mematuhi tempoh masa permohonan, penghantaran dokumen, mendapatkan pengesahan dari Unit Sumber Manusia dan Ketua Jabatan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti di perenggan 9. **Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan bukan menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Latihan KKM untuk memaklumkan kepada pegawai bagi menyempurnakan sebarang dokumen yang tidak lengkap.**
9. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut (**tertakluk kepada pindaan**):

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Tempoh permohonan dibuka di laman sesawang Sistem Permohonan eHLP KKM (https://ehlp.moh.gov.my)	6 Oktober hingga 5 November 2025
ii.	Tempoh Pengesahan Maklumat oleh Pentadbir Sumber Manusia di jabatan pemohon dan tempoh Sokongan Ketua Jabatan di jabatan pemohon	6 Oktober hingga 12 November 2025
iv.	Urusan temu duga	22 Disember 2025 hingga 20 Februari 2026
v.	Semakan keputusan tawaran di laman sesawang Sistem Permohonan eHLP KKM (https://ehlp.moh.gov.my)	April 2026

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/PENYELIA

1. Ketua Jabatan/Penyelia adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Penyelia untuk memperakunkan pegawai yang benar-benar sesuai, berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Ketua Jabatan/Penyelia adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan **hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2026/2027 kelak**. Sekiranya kesemua pegawai yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan mengikut program kepakaran ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan kepada mereka untuk menjalani pengajian.
3. Bahagian Pengurusan Latihan, KKM berhak membatalkan permohonan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan walaupun telah diperakukan oleh Ketua Jabatan. Bahagian Pengurusan Latihan KKM tidak bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan maklumat perkhidmatan yang telah diperakukan oleh Ketua Jabatan sehingga menyebabkan permohonan pegawai ditolak.

**SEBARANG PERTANYAAN BERHUBUNG PERMOHONAN TAWARAN B
UNTUK MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN
SECARA SEPENUH MASA,
SILA HUBUNGI:
Urus setia Tawaran B,
Program Kepakaran 1,
Bahagian Pengurusan Latihan,
Kementerian Kesihatan Malaysia
e-mel: penawaran_idp@moh.gov.my @ ehlp@moh.gov.my**

LAMPIRAN A

JENIS-JENIS PENYAKIT

- a. Penyakit Mental (*Mental illness*);
- b. Penyakit Sistem Saraf (Strok, *Dementia*) [*Neurological Illness, (Cerebrovascular Accident, Dementia)*];
- c. Penyalahgunaan dan ketagihan dadah (*Substance abuse and dependence*);
- d. Ketidakupayaan fizikal atau kurang upaya (*Physical disabilities or handicap*);
- e. Masalah perubatan, termasuk yang berkaitan penuaan dan jangkitan yang kronik (*Medical conditions, including those related to ageing and chronic infections*);
- f. Lain-lain masalah perubatan yang boleh menjaskan keupayaan untuk mengamal (*Any other conditions which may give rise to impairment to practitioners*).

*Sumber rujukan: *Managing Impaired Registered Medical Practitioners, Guideline of the Malaysian Medical Council*, MMC Guideline 001/2010

